

08 JAN 2003

Ireland-Pelaburan/I

IRELAND MAHU TINGKAT HUBUNGAN DAN PERDAGANGAN DENGAN M'SIA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Ireland mahu meningkatkan hubungan dua hala serta pelaburan dengan Malaysia, terutama dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta pendidikan.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Luar Ireland Brian Cowen dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kedutaan Ireland di sini hari ini. Cowen sedang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia, mulai hari ini.

Ia merupakan lawatan pertama Menteri Luar negara itu ke Malaysia.

Lawatan Cowen bertujuan meningkatkan lagi hubungan dua hala yang kini bermakna dan mesra.

"Ireland dan Malaysia perlu meneruskan hubungan sedia ada dan berusaha mewujudkan hubungan baru," katanya.

Malaysia merupakan pasaran ketiga terbesar Ireland di luar Eropah dalam pelbagai pelaburan utama. Pada 2001, perdagangan dua hala Malaysia-Ireland berjumlah RM6.0 bilion.

Cowen berkata: "Malaysia kini merupakan pasaran paling penting bagi Ireland di Asean dan merupakan rakan dagang kedua terbesar di Asia. Terdapat skop luas untuk meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan seperti dalam sektor ICT".

"Ireland dan Malaysia mempunyai kekuatan dalam ICT, dengan Ireland boleh menjadi rakan penting Eropah bagi Malaysia," katanya.

Hubungan Ireland-Malaysia dalam bidang pendidikan juga kukuh. Terdapat lebih 800 rakyat Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di Ireland dan ramai rakyat Malaysia lulus daripada universiti-universiti Ireland, kebanyakannya dalam bidang perubatan.

Cowen berkata universiti dan kolej di Ireland kini sedia menawarkan tambahan tempat kepada pelajar Malaysia selain sedang mengkaji cara untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan Malaysia.

Kerjasama itu meliputi pengajian bahasa Inggeris yang kedua-dua negara mempunyai kepakaran dan pengalaman, kata Cowen.

Persatuan Alumni Ireland Malaysia juga sudah ditubuhkan baru-baru ini.

Semasa lawatan itu, Cowen akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Cowen juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman dengan Dewan Perniagaan Ireland dengan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia bagi mempromosikan hubungan perniagaan yang lebih kukuh.

Cowen juga akan menemui Alumni Ireland dan melawat Pulau Pinang. Dua sekolah perubatan terkemuka negara itu kini terbabit mentadbir dua kolej perubatan di Pulau Pinang dan Ipoh.

-- BERNAMA

MFZ ZS LAT